



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (6)04/C/PD/656/4 Jil. 6

15 April 2020

Semua Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan,

PERINGATAN MENJAGA KUALITI ALAM SEKITAR DAN PEMATUHAN KEPADA KEPERLUAN PERUNDANGAN DI BAWAH AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998 (AKTA 582)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersetuju untuk melanjutkan kelonggaran kepada sektor perladangan dan komoditi termasuk bagi meneruskan aktiviti pemprosesan buah kelapa sawit dalam tempoh lanjutan perintah pergerakan (PKP) sehingga 28 April 2020 dan sebarang tarikh lanjutan sekiranya terdapat pengumuman baru oleh kerajaan mengenai PKP.

3. Selaras dengan kebenaran yang telah diberikan ini, tuan adalah dikehendaki mengamalkan kod amalan baik pengilangan dan mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan ke atas kilang buah kelapa sawit sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005. Dalam masa yang sama, pihak tuan juga diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi memastikan kualiti alam sekitar sentiasa terpelihara.

4. Merujuk kepada pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) amat menitikberatkan dan memandang serius agar semua kilang buah kelapa sawit mematuhi dan memenuhi piawaian dan syarat yang termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terutamanya memastikan semua alat kawalan pencemaran berfungsi dengan baik bagi mengelak kejadian pencemaran yang tidak diingini.

5. MPOB ingin menarik perhatian pihak tuan kepada kes yang telah berlaku di Sabah yang mana lesen kilang buah kelapa sawit tersebut telah digantung di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977 yang dibaca bersama Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Dalam hal ini, pihak kilang buah kelapa sawit tersebut telah gagal mematuhi syarat lesen berkaitan pelupusan efluen di kawasan pengairan tanah sepertimana yang ditetapkan sehingga menyebabkan pencemaran di Sungai Malagatan dan Sungai Tongod, Sabah. Daripada siasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sabah disyaki penyaluran efluen tersebut menyebabkan Loji Rawatan Air Tongod dihenti tugas sehingga menjelaskan sumber air kepada pengguna sekitar Tongod. Pihak kilang buah kelapa sawit tersebut gagal mematuhi had pelepasan efluen di takat pelepasan akhir yang ditetapkan dalam syarat lesen yang mana sistem pengolahan efluen kilang buah kelapa sawit tersebut perlu dinaiktaraf.

6. Adalah diingatkan bahawa ketidakpatuhan kepada mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia boleh menyebabkan lesen tuan dibatalkan, digantung, atau tidak diperbaharui sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 iaitu:

Per. 15(f)- "pemegang lesen telah melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana pekeliling penguatkuasaan MPOB atau mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia sama ada terdapat pendakwaan atau tidak bagi kesalahan berkenaan dengan perlanggaran atau kegagalan itu;"

7. Sehubungan itu, tuan adalah diingatkan supaya sentiasa memastikan kualiti alam sekitar dijaga demi kelangsungan dan kelestarian industri sawit negara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MR

DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah, MPOB

- s.k i. YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin B. Aman Razali
Menteri Perusahaan Perludangan dan Komoditi, MPIC

ii. YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng
Timbalan Menteri, MPIC

iii. YB Tuan Willie Anak Mongin
Timbalan Menteri, MPIC

iv. YB Datuk Ahmad Jazlan B. Yaakub
Pengerusi, MPOB

v. YBhg. En Ravi Muthayah
Ketua Setiausaha, MPIC

vi. Setiausaha Eksekutif MPOA

vii. Setiausaha Eksekutif POMA